

Ucapan oleh

**PROFESOR DR. MOHAMED IBRAHIM ABDUL MUTALIB**  
Naib Canselor, Universiti Teknologi PETRONAS

**'School Kits Giving Campaign'**  
bersempena Projek Tanggungjawab Sosial Universiti  
Majlis Konvokesyen UTP ke-18

**16 November 2018 (Jumaat)**  
**Kompleks IRC, UTP**

---

**Bismillahirrahmannirrahim**

**Profesor Madya Dr Ku Zilati Ku Shaari**  
Pengerusi Majlis Konvokesyen UTP Ke-18

**Puan Nor Adela Dinyati**  
Pengarah Yayasan UTP

**Ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif UTP**

**Tetamu-Tetamu jemputan**

**Para guru**

**Tuan-tuan dan Puan-puan serta para pelajar yang diraikan.**

**Assalamua'aikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya maka kita dapat bersama-sama berkumpul bagi Majlis Penyerahan Kit Sekolah bersempena Majlis Konvokesyen UTP ke-18 yang akan berlangsung pada hari Ahad ini.

Para hadirin sekalian,

Program ini dianjurkan oleh Yayasan UTP (YUTP) sebagai salah satu usaha dalam memperkasakan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR). Untuk makluman semua, kelengkapan sekolah yang akan diberikan kepada para pelajar merupakan hasil sumbangan daripada kakitangan UTP dan PETRONAS. Sehubungan itu, saya ingin menzahirkan penghargaan saya kepada semua pihak yang telah terlibat dalam usaha murni ini.

Melalui bantuan ini, saya berharap para pelajar akan menggunakan kelengkapan tersebut sebaik-baiknya. Semoga usaha ini dapat menyuntik semangat ke dalam diri para pelajar sekalian untuk berusaha menjadi insan yang berbakti kepada bangsa dan negara. Teruskan usaha anda untuk menjadi insan yang berkebolehan tinggi. Dengan ini, saya berharap agar UTP akan menjadi pilihan anda dalam usaha mengejar cita-cita.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YUTP kerana sudi menjemput saya bagi menyampaikan kit kelengakpan sekolah kepada pelajar-pelajar terpilih. Akhir sekali, saya ingin menzahirkan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga Allah Ta'ala meredhai usaha murni ini dan semoga para pelajar yang terpilih akan berbakti kepada agama, bangsa dan tanah air.

Sekian wabillahitaufil walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.